

# 100 peserta hadir Seminar Teknologi Keluli



**TERIMA KASIH ...** Prof Peter Songan menyampaikan cenderahati kepada Pengarah Urusan Ecosteel, Mei Chee Ching pada Seminar Teknologi Keluli di Auditorium, CIAS, Kampus Barat, UNIMAS, semalam.

SAMARAHAN, Khamis — Kira-kira 100 orang peserta terdiri daripada jurutera, kontraktor dan pengilang menghadiri Seminar Teknologi Keluli, bermula 21 hingga 22 Mei ini di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini.

Seminar anjuran Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM) Sarawak mendapat kerjasama daripada UNIMAS, BlueScope

Steel (M) Sdn Bhd serta Ecosteel Sdn Bhd dengan tajuk "Keberkesanan Pembinaan dan Reka Bentuk Struktur Binaan Sejuk Keluli".

Timbalan Naib Canselor, Inovasi dan Kajian UNIMAS, Prof. Peter Songan dalam ucapan alu-aluannya berkata, seminar ini untuk jurutera, kontraktor dan pengilang yang terlibat dalam penggunaan teknologi keluli.

Katanya, UNIMAS mengalu-alukan kedatangan peserta yang pertama kali ke universiti terutama dua penceramah jemputan dari Hong Kong.

"Struktur binaan sejuk keluli merupakan teknologi baru yang lebih ekonomikal dan berkepentingan dalam industri pembinaan hari ini.

"Seminar dua hari ini bertepatan dan sesuai bagi mereka yang terlibat dalam industri binaan keluli bagi mendapatkan maklumat serta menambah kefahaman berhubung teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Teknologi Keluli di Auditorium, CAIS, Kampus Barat UNIMAS di sini hari ini.

Dua penceramah jemputan ialah Timbalan Pengarah Pusat Kajian dan Teknologi Terkini, Universiti Politeknik Hong Kong, Ir. Prof. K.F Chung dan Profesor Madya, Jabatan Kejuruteraan Awam, Universiti Hong Kong, Dr Ben Young.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan, Ecosteel Sdn Bhd, Mei Chee Ching, Prof. Madya Awangku Abd Rahman serta lain-lain.